



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

11 Julai 2025

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil semula beberapa saksi dan mantan pengarah bebas Malaysia Airport Holdings Berhad kerana masih terdapat beberapa persoalan yang masih belum terjawab hasil daripada keterangan saksi-saksi yang dipanggil sebelum ini.
2. Jawatankuasa ini ingin mengaskan bahawa kenyataan Naib Pengerusi, YB Seputeh dan Ahli PAC, YB Bayan Baru semalam adalah kenyataan peribadi dan tidak mewakili jawatankuasa ini.
3. Ingin saya tegaskan bahawa semua dapatan, perbincangan dan dokumen yang dikemukakan dalam prosiding PAC adalah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 85 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan tidak sepatutnya dimaklumkan kepada media oleh mana-mana pihak.
4. PAC telah mengadakan sejumlah 16 mesyuarat prosiding berhubung isu ini dan akan diteruskan dengan memanggil beberapa lagi saksi yang berkepentingan. Setelah meneliti hansard keterangan-keterangan saksi yang dipanggil sebelum ini, PAC mendapati masih terdapat beberapa perkara yang perlu dijelaskan.
5. PAC menghargai kerjasama baik yang telah diberikan oleh semua saksi yang dipanggil dalam prosiding Pengurusan Lapangan Terbang Awam.
6. PAC masih belum memuktamadkan sebarang rumusan atau syor bagi penyata berhubung prosiding Pengurusan Lapangan Terbang Awam. Selepas selesai prosiding, PAC akan mengadakan mesyuarat penyediaan laporan untuk menyiapkan laporan dan menghasilkan rumusan serta syor

yang akan dikemukakan kepada kerajaan dan membentangkan laporan ini di Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Samsudin